

## 99 Speed Mart buka cawangan luar negara pertama di China



Oleh Wartawan BH - September 2, 2025 @ 10:20pm



99 Speed Mart Retail Holdings Bhd

KUALA LUMPUR: 99 Speed Mart Retail Holdings Bhd hari ini mengesahkan bahawa ia membuka kedai luar negara pertamanya di Fuzhou, China pada 31 Ogos lalu.

"Selain itu, syarikat juga akan menubuhkan kedai prototaip dengan rancangan untuk berkembang secara berperingkat di Fuzhou," kata pengendali pasar mini itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

"Penubuhan kedai ini dijangka tidak memberi kesan material terhadap pendapatan atau aset bersih kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025," kata syarikat itu.

99 Speed Mart, yang disenaraikan di Pasaran Utama pada September lalu, tidak memberikan butiran lanjut termasuk jumlah pelaburan.

Pengumuman ini dibuat selepas laporan media tempatan China mengenai pembukaan kedai syarikat itu di wilayah Fujian.

Menurut laporan, operasi baharu di China itu akan dimiliki sepenuhnya oleh 99 Speed Mart.

Sehingga akhir Jun, 99 Speed Mart memiliki 2,894 cawangan di seluruh Malaysia.